

# Kem Bina Juara Anjuran Sektor Pendidikan Islam



**Labuan, 10 Ogos** – Seramai 100 orang murid dan 19 orang guru dari seluruh sekolah rendah sekitar WP Labuan telah menjayakan Kem Bina Juara (KBJ) peringkat WP Labuan bagi tahun 2019 di Pusat Kokurikulum Negeri pada 6 hingga 8 Ogos yang lalu. Program KBJ ini adalah anjuran Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Penyelaras Program ini ialah Ustazah Sitti Rahimah binti Yusuppu (Penolong Pengarah Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam).

Program ini telah dihadiri oleh murid-murid yang berpotensi dalam bidang Al-Quran, Khat dan Bahasa Arab. Murid-murid yang terlibat dibahagikan kepada tiga kumpulan besar.

36 orang murid terlibat dengan Modul Tahsin dan Tarannum Al-Quran, 31 orang murid bagi Modul Jawi dan Khat, dan 33 orang murid lagi dengan Modul Bahasa Arab (Hiwar).

Murid-murid ini telah dibimbing oleh fasilitator yang mahir dalam bidang masing-masing. Fasilitator adalah dalam kalangan guru-guru sekolah rendah sekitar WP Labuan dan 2 orang fasilitator jemputan dari Jabatan Agama Islam (JAWI) Labuan iaitu Ustaz Tahang bin Chongo bagi Modul Tarannum dan Ustaz Mohd Fadhil bin Abdullah bagi Modul Khat.



Latihan Dalam Kumpulan Modul Jawi dan Khat



Latihan Dalam Kumpulan Modul Tahsin dan Tarannum

Program selama tiga hari ini dilihat memberi impak yang besar kepada murid-murid. Menurut Ustazah Anfal binti Amir (Kem Komandan KBJ) **“Para peserta mampu menunjukkan bakat dalam bidang masing-masing, setelah mengikut LDK selama 3 hari.”**

Program KBJ juga telah memilih peserta terbaik bagi setiap modul. Bagi Modul Tahsin dan Tarannum, Peserta Terbaik Lelaki ialah adik Muhammad Aisy Hafiy khairullah bin Harma Hazizi dari SK Sungai Bedaun yang telah dibimbing oleh Ustaz Tahang bin Chongo dan Ustaz Zulkornain bin Ahmad.

Manakala Peserta Terbaik Perempuan ialah adik Puteri Nurbuhairah Binti Norazlan dari SK Bebuloh yang telah dibimbing oleh Ustaz Nawawi bin Ejal dan Ustaz Mohd Firdaus bin Yahaya.

Seterusnya bagi Modul Jawi dan Khat , Peserta Terbaik Lelaki ialah Adik Mohammad Aiman Ramadhan Bin Haliman dari SJK (C) Chi Wen, murid ini telah dibimbing oleh Ustaz Mohd Fadhil bin Abdullah dan Ustazah Khamisah binti Ismail dan Peserta Terbaik Perempuan pula telah diberikan kepada Adik Dayang Shaidatul Atirah Binti Saamsul dari SK Patau-Patau yang telah dibimbing oleh Ustaz Zulkarnain bin Ali dan Ustazah Norhafizah binti Lamudin.

Bagi Modul Bahasa Arab (Hiwar) pula peserta terbaik Lelaki diberikan kepada adik Muhammad Ammar Afi Bin Azlan dari SK Pantai, yang telah dibimbing oleh Ustaz Ciptho Wiryawan @ Mohd Ikhwani. Peserta Terbaik Perempuan pula diberikan kepada Anis Hamraa Hazimah Binti Taufik dari SK Kerupang yang telah dibimbing oleh Ustazah Sanisah binti

Zulkile.



Penyampaian Hadiah Peserta Terbaik oleh Ustaz Mohd Syahir kepada Adik Muhammad Aisy Hafiy Khairullah, disaksikan oleh Ustazah Sitti Rahimah dan Ustaz Sahrum.

Menurut Ustazah Sitti Rahimah binti Yusuppu (Penolong Pengarah Perancangan dan Pembangunan Pendidikan Islam) Penyelaras Program KBJ, **“Alhamdulillah, semua peserta memberi maklumbalas yang positif. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada semua yang menjayakan program ini, Urusetia, Kem Komandan dan penolongnya, Barisan Fasilitator, murid-murid serta ibu bapa yang sangat komited”**. Katanya semasa majlis penutupan kem tersebut.

Ketua Sektor Pendidikan Islam, Ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusof turut merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa KBJ, para fasilitator, yang

memberikan sepenuh komitmen bagi menjayakan Kem Bina Juara ini.

*“Sekali lagi ucapan tahniah dan terima kasih dari Sektor Pendidikan Islam buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan KBJ 2019”. Katanya dengan penuh bangga dalam ucapan perasmian penutupan.*

Beliau berharap semoga input yang diperolehi oleh anak-anak peserta melalui kem ini dapat meningkatkan keyakinan diri untuk berkongsi ilmu dengan rakan-rakan lain di sekolah, samada dalam bidang Tarannum, Khat atau Hiwar Bahasa Arab.

Turut hadir, Ustaz Sahrum bin Samlan, Penolong Pengarah Pembangunan Adab dan Nilai, Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam**



Latihan Dalam Kumpulan Modul Bahas Arab (Hiwar)



Latihan Dalam Kumpulan Modul Bahasa Arab (Hiwar)



Penyelaras Program KBJ (Ustazah Sitti Rahimah binti Yusuppu) bergambar bersama peserta KBJ



Peserta dari SK Sungai Bedaun merakamkan gambar kenangan Program Kem Bina Juara 2019

## Perasmian Bulan Kemerdekaan Sk Pekan Satu



Labuan, 9

Ogos 2019 (Jumaat) – SK Pekan Satu tidak ketinggalan mengibarkan jalur gemilang sebagai suntikan patriotisma dalam pelancaran Perasmian Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah pada pagi Jumaat yang dikendalikan oleh Cikgu Noor Anidah binti Ag Adi. Majlis Perasmian ini telah disempurnakan oleh Puan Anita Shyamini A/S Azman, Guru Besar SK Pekan Satu W.P.Labuan.

Majlis Pelancaran mengibarkan jalur gemilang ini, melibatkan seluruh warga SK Pekan Satu, murid-murid dan guru-guru. Murid seawal usia 5 Tahun juga turut bersama-sama mengibarkan jalur gemilang bagi merasai semangat kemerdekaan. Suntikan semangat kemerdekaan ini di pancarkan dengan hiasan jalur gemilang yang memenuhi kawasan sekolah SK Pekan Satu mengikut kreativiti guru-guru dan murid menyerlahkan semangat patriotisma di kalangan warga SK Pekan Satu.



Murid-murid berkumpul di dataran bagi menyambut pelancaran Bulan Kemerdekaan peringkat Sekolah Kebangsaan Pekan Satu



Di samping mengibarkan jalur gemilang sempena pelancaran Bulan Kemerdekaan, Seluruh warga SK Pekan Satu bersama-sama menyanyikan lagu tema sambutan kemerdekaan ke-62 dan beberapa buah lagu patriotik dalam menyemarakkan lagi jiwa anak merdeka. Puan Anita berkata, pelancaran bulan kemerdekaan itu penting, terutama kepada generasi baharu bagi menyemai semangat patriotik sejak di bangku sekolah agar dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai jiwa merdeka yang kental pada masa hadapan.

“Generasi baharu harus diberi kesedaran dan semangat merdeka juga perlu disemai dalam jiwa mereka agar dapat memupuk rasa kecintaan yang tinggi terhadap negara Malaysia.


“Kita bimbang, jika semangat patriotik ini sudah hilang dalam sanubari mereka, ia akan memberi impak negatif pada masa depan negara dan bangsa, kerana murid-murid pada hari ini adalah wira dan wirawati Negara pada masa akan datang” katanya ketika ditemui selepas pelancaran itu.

Sementara itu, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) SK Pekan Satu Puan Normah binti Rahimi, berkata berpuh acara membabitkan pelajar dan guru disediakan bagi mengisi aktiviti bulan kemerdekaan.

Antara aktiviti yang akan dijalankan sepanjang Bulan Kemerdekaan, mewarna bendera Malaysia, melukis poster merdeka, nyanyian lagu patriotik, pakaian beragam bertemakan kemerdekaan, pameran dan kibaran bendera sepanjang bulan

Ogos hingga September.

Diharapkan dengan pelbagai aktiviti yang telah dirancang dapat meningkatkan semangat cintakan Malaysia dalam kalangan warga SKPS dalam kelompok generasi yang berbilang bangsa, agama dan budaya.



Dari kiri Cikgu Farhah, Cikgu Noor Anidah, Penolong Kanan HEM Puan Normah Rahimi, Guru Besar SKPS Puan Anita Shyamini A/P S. Azman, Penolong Kanan Satu SKPS Puan Zailiana Zainol dan Cikgu Hafizah mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda pelancaran Bulan Kemerdekaan peringkat SK Pekan Satu

---

**Murid SK Sungai Bedaun  
Seronok Belajar : SEAS**

# English Camp 2019 anjuran Sabah English Aspiration Society



**Labuan, 9 Ogos** – Seramai sepuluh orang murid dan dua guru Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) terpilih untuk mengikuti English Camp 2019, Projek Maybank Global CR Day 2019 dengan kerjasama *Sabah English Aspiration Society (SEAS)* yang diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pei Yin , Membakut Sabah pada 3 hingga 4 Ogos yang lalu.

Program SEAS ini menggabungkan kerjasama beberapa pihak antaranya Kolej Vokasional Keningau, SJKC Pei Yin, Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah , Pejabat Pendidikan Daerah Beaufort dan Maybank Berhad .

Projek Maybank Global CR Day diadakan setiap tahun merupakan program kemasyarakatan yang melibatkan komuniti di lokasi masing-masing melalui inisiatif yang memberi kesan kepada kehidupan dan alam sekitar.

Fokus pada kali ini adalah terhadap penguasaan Bahasa Inggeris dalam usaha untuk memperkasakan Bahasa Inggeris selaras dengan peranannya sebagai bahasa utama dunia.



*Peserta SK Sg Bedaun ceria bergambar bersama Fasilitator dari United Kingdom, MyOutreach@UK Team.*

Menurut Puan Noor Farehin Mohd Yusof, Ketua Panitia Bahasa Inggeris, sebanyak 15 buah sekolah sekitar Sabah yang terpilih dengan tajaan oleh Maybank dalam program “*Seed of the Future Initiative*” dan SKSB merupakan satu-satunya sekolah mewakili Wilayah Persekutuan Labuan yang mendapat tajaan daripada Maybank Berhad cawangan Labuan.

Beliau melahirkan rasa kesyukuran dan berterima kasih kepada pihak pengurusan Maybank Berhad atas pemilihan ini.

**“ Alhamdulillah, peserta-peserta SKSB memberi maklumbalas yang positif. Mereka bukan sahaja dapat belajar Bahasa Inggeris dalam persekitaran yang responsif dan menyeronokkan malah dapat berkenalan dengan peserta-peserta dari sekolah lain ”.** Katanya semasa majlis penutupan kem tersebut.



*Encik Shalihin Bin Bakhrul (kiri), Puan Noor Farehin Mohd Yusof (empat dari kanan) bergambar ceria bersama peserta SEAS SKSB.*

Program SEAS telah dirasmikan oleh Puan Jenifer Lasimbang, Pembantu Menteri Pelajaran Dan Inovasi, Sabah. Turut hadir Dr Zainab binti Kassim, Pengarah Sabah English Aspirations Society, Team CR Maybank , Encik Sirhajwan Idek, Guru Bahasa Inggeris Kolej Vokasional Keningau yang pernah menjadi Juara Dunia bagi *International Innovation and Entrepreneurship Excellence in Teaching Award di Paris* pada tahun 2017. Fasilitator dari United Kingdom, MyOutreach@UK Team dan fasilitator daripada Kolej Vokasional Keningau, Sabah.

Guru Besar SKSB, Puan Dg. Sarifah Binti A. Mahmud turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Maybank Berhad yang telah memberi peluang kepada murid-murid SKSB untuk menyertai kem tersebut.

**“ Sekali lagi ucapan terima kasih kami warga SKSB kepada Maybank dan SEAS atas sumbangan buku-buku kepada para peserta dan juga untuk sudut-sudut bacaan di SKSB ”.** Katanya dengan penuh bangga.

Beliau berharap semoga input yang diperolehi oleh anak-anak SKSB melalui kem ini dapat meningkatkan keyakinan diri untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris bagi mencorak pemikiran generasi masa depan serta dapat membina hubungan rapat di antara sekolah dengan SEAS melalui 'Smart Partnership' berkaitan dengan perkongsian ilmu dan kepakaran khususnya dalam penguasaan Bahasa Inggeris.



*Peserta SKSB merakamkan gambar kenangan bersama Dr Zainab binti Kassim (bertudung merah), Encik Sirhajwan Idek (kanan)*

Semoga program ini dapat diteruskan lagi dan dapat memberi peluang kepada murid-murid lain untuk menyertai program yang sangat bermanfaat ini.

**Berita Oleh : SK Sungai Bedaun**



Peserta SEAS merakamkan gambar kenangan di bilik penginapan mereka di SJKC Pei Yin, Membakut.



*Peserta SEAS lelaki begitu ceria bergambar bersama rakan-rakan mereka daripada pelbagai sekolah yang mengikuti kem.*

---

# SMK Labuan Beri Saingan Sengit, Karnival Kokurikulum Tingkatan Enam Peringkat Negeri Sabah



**Labuan 8 Ogos** – SMK Labuan telah memberikan saingan yang sengit dalam Karnival Kokurikulum Tingkatan Enam Peringkat Negeri Sabah yang telah berlangsung di SMK Pengiran Omar (SMKPO), Sipitang Sabah pada 4 hingga 5 Ogos 2019.

Karnival yang dikelolakan oleh Pusat Tingkatan Enam SMK Pengiran Omar Sipitang ini telah dirasmikan oleh Pg. Mohd Yacob bin Pg Hj Omar, Pemimpin Pembangunan Masyarakat, wakil rasmi Datuk Dr Yusof bin Hj Yacob, Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah.

SMK Labuan telah menyertai 7 acara iaitu Petanque, Bola Jaring, Futsal Lelaki, Futsal Perempuan, Badminton, Bola Tampar dan Catan (Seni Visual) yang diwakili oleh 40 orang pelajar, diiringi oleh 12 orang guru.



Tujuh sekolah telah menyertai karnival ini yang terdiri daripada SMK Pengiran Omar Sipitang, SMK Merapok Lawas, SMK Beaufort, SMK Keningau 2, SMK Majakir, SMK Kinarut dan SMK Labuan.

Pasukan Catan Seni Visual SMK Labuan paling menyerlah dengan menyapu bersih tiga tempat kedudukan teratas. Irham Zulhilmi Mohd Johan muncul sebagai johan, Nassuha Erdina Dollah meraih tempat kedua dan Annisha Khairan Ishak tempat ketiga.

Pasukan Petanque SMK Labuan juga tidak kurang hebatnya dengan muncul johan, mengalahkan SMKPO A di tempat kedua dan SMKPO B di tempat ketiga. Skuad Petanque SMK Labuan diwakili Mohd Aiman Shah Ahmad Satiah, Siti Noorhafiza Nazwa Norizan, Mohd Syamil Zharfan Zulphian, Mc Olsen Harry, Zulaikha Nabilla Zulkifli dan Kellvictor Kimlin.



Catan (Seni Visual) dari kiri Annisha (ketiga), Irham (Johan), Nassuha (Naib Johan)



SMKL Johan Petanque, dari kiri Ustaz Mohd Sanusi, Hj Mazri, Encik Ismail, Encik Saminan dan Puan Evelyn Dalam Pertandingan Badminton, pasukan SMKPO dinobatkan sebagai juara, diikuti SMK Merapok di tempat ke dua dan SMK Labuan di tempat ke tiga.

SMKPO A juga muncul johan acara futsal perempuan diikuti SMK Labuan dan SMKPO B. Dalam kategori futsal lelaki, johan disandang SMK Beaufort, kedua SMKPO Team B dan ketiga SMK Labuan.

SMK Keningau 2 muncul juara acara Bola Jaring, naib johan SMK Labuan dan ketiga SMK Pengiran Omar Sipitang.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan dan bantuan PIBG SMK Labuan dan para ibu bapa.

Beliau berkata Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan berhasrat untuk menganjurkan Karnival Kokurikulum Tingkatan 6 Peringkat Antarabangsa pada tahun 2020 melibatkan

Sekolah, Pusat Tingkatan 6 / Pra Universiti dari Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Brunei Darussalam.

**Berita Oleh : SMK Labuan**



SMKL (berdiri) Naib Johan Futsal perempuan, bersama Johan SMKPO (duduk)



SMKL Naib Johan Bola Jaring, Cikgu Napsiah Ibrahim (2 kiri) dan Cikgu Hjh Hamidah Omar (3 kiri)

---

**Pengetua dan Guru Besar Sekolah Hadiri Dialog Prestasi Negeri Bil. 3, 2019**



**Labuan, 6 Ogos** – Semua pengetua dan Guru Besar telah menghadiri Dialog Prestasi Negeri Bil. 3/2019 yang telah diadakan hari ini bertempat di Bilik Kiansam, BTPN Labuan.

Dialog Prestasi Negeri (DPN) kali ini memberi fokus kepada kepada 3 daripada 4 Kluster DPN iaitu Kehadiran dan Enrolemen Murid (kluster 1), Pelaporan PBD (kluster 2), Beban Tugas Guru dan TS25 (Kluster 4). Kluster 3 tidak dibincangkan dalam DPN kali ini.

Pengarah Pendidikan, Encik Raisin bin Saidin telah mempengerusi DPN yang turut dihadiri oleh ketua-ketua sektor dan pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan.

Di dalam ucapannya, Encik Raisin Saidin menekankan kepentingan pihak sekolah mengenalpasti setiap isu dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian berdasarkan senario sekolah masing-masing.

Semua guru disaran mendidik murid secara bersungguh-sungguh dengan amalan kasih-sayang selaras dengan konsep Labuan SUPERB, Guru Sayang Muridnya.



Para Pegawai JPWPL, Pengetua dan Guru Besar dalam Mesyuarat DPN Bil 3

Dalam sesi perbincangan berdasarkan kluster, Encik Raisin Saidin telah meminta maklumbalas segera daripada Pengetua dan Guru Besar berkaitan isu-isu dan data-data yang dibincangkan.

Hal ini adalah untuk memastikan PGB sentiasa mampu merancang dan melaksanakan intervensi tepat berdasarkan data-data di sekolah masing-masing. Input-input yang diperolehi akan digunakan sebagai sokongan apabila menghadiri Dialog Prestasi peringkat Nasional nanti.

Mengulas tentang isu dalam kluster 4 berkaitan kajian beban tugas guru, Encik Raisin Saidin merasa gembira kerana sekolah-sekolah telah berjaya melaksanakan arahan KPM ini dari semasa ke semasa.

Namun begitu, setiap guru mesti boleh membezakan antara tugas tambahan yang membebankan dan tanggungjawab sebagai seorang pendidik.

Di akhir sesi dialog, Encik Raisin Saidin sekali lagi mengingatkan bahawa semua sekolah mesti berfikir dalam

satu kerangka dan halatuju yang sama iaitu ke arah peningkatan kemenjadian murid dan kualiti sekolah.

SKPMg2 juga hendaklah digunakan sebagai alat pengurusan untuk memperbaiki kualiti sekolah secara menyeluruh.

**Berita Oleh : Encik Mohd Nizam Yasim, Pengetua SMK Mutiara**

---

## **Murid 12 tahun menjuarai 4th Malaysia Open International Taekwondo Championship 2019**



6 Ogos 2019 / Labuan – Mohammad Mainiezam

Bin Maswandie, murid 12 tahun yang bersekolah di SK Tanjung Aru telah mengharumkan nama Labuan sekali lagi tahun ini dengan memenangi pingat emas dalam 4th Malaysia Open International Taekwondo Championship 2019 pada 2 hingga 4 Ogos yang bertempat di Stadium Juara, Mont Kiara, Kuala Lumpur, Malaysia.

Murid ini juga telah menyertai pertandingan ini selama tiga tahun berturut-turut dan sentiasa mencapai kejayaan yang cemerlang. Murid ini pernah mendapat tempat kedua bagi kategori yang sama pada tahun lalu dan kini adik Mohd Mainiezam membuktikan bahawa dirinya boleh menjadi lebih baik daripada tahun sebelum ini. Hasil daripada sokongan dan didikan daripada ibu bapa, adik Mohammad Mainiezam akhirnya berjaya mendapat juara pada Kejohanan ini. Disiplin serta azam yang tinggi daripada diri murid ini sendiri turut menyumbang kepada kejayaannya pada kali ini.

Negara-negara luar yang terlibat dalam pertandingan ini termasuklah Indonesia, Singapura, Kemboja, Nepal, India, Brazil dan China. Kesemua peserta yang terlibat memberikan saingan yang sengit dalam setiap kategori yang dipertandingkan. Namun begitu, hal ini tidak meruntuhkan semangat murid 12 tahun ini dan setelah bertanding selama 3 hari, murid ini membuktikan bahawa dirinya dapat mengatasi semua cabaran dalam kategori 'Kyorugi' lelaki 10-12 tahun



(Heavy Weight) dan akhirnya berjaya merangkul pingat emas dengan menewaskan lawan daripada Negeri Sembilan.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga diberikan kepada murid ini daripada seluruh warga SK Tanjung Aru sempena kemenangannya pada tahun ini.